

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
PUNCAK SENI, TMN PERTANIAN MALAYSIA, SHAH ALAM, SELANGOR D.E
MAJLIS PERASMIAN EKSPLO WANITA TANI DALAM PEMBANGUNA
21 OGOS 1992**

Yang Mulia Tuan Pengerusi Majlis; Yang Berhormat Dato' Napsiah bt Omar Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat; Dif-dif Kehormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada pihak Penganjur kerana menjemput saya untuk memberi sepatah dua kata dan seterusnya merasmikan Ekspo Wanita Tani Dalam Pembangunan pagi ini.

2. Ekspo ini memang kena pada masanya memandangkan perhatian dunia kini banyak ditumpukan kepada peningkatan taraf hidup wanita luar bandar. Saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Dato' Napsiah Omar yang telah mengilhamkan aktiviti ini dan kepada Kementerian dan Jabatan Pertanian serta agensi-agensi di bawahnya yang telah sanggup mengelolakan Ekspo ini.

3. Tumpuan kepada golongan wanita tani dalam sambutan Hari Wanita yang diraikan secara meriah pada tahun ini amat tepat sekali. Sungguhpun daripada segi peratusan, bilangan wanita yang terlibat dalam sektor pertanian telah menurun daripada 67% dalam tahun 1970 kepada 28% dalam tahun 1990, kaum wanita masih merupakan tulang belakang dalam pembangunan luar bandar amnya dan sektor pertanian khususnya. Sebahagian besar daripada tenaga pekerja dalam bidang pertanian adalah terdiri daripada kaum wanita.

4. Penglibatan wanita tani dalam bidang pertanian bukanlah satu fenomena baru, malah merupakan satu tradisi tua dalam masyarakat kita. Kaum wanita bersama-sama kaum lelaki berganding-bahu membanting tulang untuk mengerjakan tanah dan sawah bagi menambahkan pendapatan keluarga supaya dapat menikmati taraf hidup yang lebih sempurna. Di samping itu, mereka juga menunaikan tanggungjawab di rumah sebagai isteri dan ibu - memasak, mengasuh dan mendidik anak-anak serta memelihara kesejahteraan keluarga.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

5. Sungguhpun wanita tani telah sekian lama menyumbang kepada pengeluaran pertanian, namun mereka masih hanya diiktiraf sebagai isteri petani. Dengan itu peluang-peluang untuk mereka mendapatkan khidmat pengembangan, bantuan dan sokongan kewangan, serta kemudahan latihan amatlah sukar dan terhad. Keadaan seperti ini perlu diperbaiki. Wanita tani kini tidak hanya terlibat dalam kerja-kerja di sawah sahaja tetapi juga dalam semua aspek proses pengeluaran dan pemasaran pertanian.

6. Walaupun keadaan wanita tani di Malaysia tidaklah seburuk seperti di negara-

negara membangun yang lain, namun masih wujud kelompok-kelompok keluarga luar bandar yang miskin dan wanita yang menjadi ketua isi keluarga termasuk dalam golongan ini. Wanita sebagai ketua isi keluarga menjadi satu fenomena yang penting pada waktu ini, lebih-lebih lagi dalam keadaan di mana Malaysia melalui proses perindustrian yang begitu pesat yang telah menggalakkan penghijrahan kaum lelaki dari desa ke bandar.

7. Sungguhpun sumbangan daripada sektor pertanian dijangka adalah lebih kecil daripada sektor-sektor lain, namun sektor pertanian akan terus diberi perhatian berat dalam proses pembangunan negara. Usaha-usaha sedang giat diambil oleh Kerajaan untuk menjadikan sektor pertanian lebih dinamik dan berdaya saing. Industri berasaskan pertanian digalakkan supaya sektor pertanian lebih berorientasikan komersil. Usaha-usaha ini memerlukan tenaga terlatih.

8. Wanita yang merupakan sebahagian besardaripada golongan petani wajar sekali diberi tumpuan dan perhatian yang serius. Kecekapan mereka dalam bidang pertanian perlu terus diasah melalui peluang-peluang latihan, khidmat pengembangan, kemudahan kredit dan pendedahan kepada teknologi moden.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Wanita dalam pembangunan merupakan satu perkara yang sentiasa hangat diperbincangkan, sama ada di forum peringkat kebangsaan, wilayah mahupun antarabangsa. Dalam bulan Februari 1992, satu Sidang Kemuncak Mengenai Kemajuan Ekonomi Wanita Luar Bandar telah diadakan di Geneva, Switzerland. Sidang Kemuncak ini melambangkan satu usaha murni untuk menarik perhatian dunia kepada pentingnya peranan dan sumbangan wanita luar bandar, masalah atau halangan kepada pengeluaran dan usaha-usaha ke arah memajukan taraf hidup mereka dan keluarga. Sidang Kemuncak ini menerima satu deklarasi yang dinamakan Deklarasi Geneva Mengenai Wanita Luar Bandar. Deklarasi ini menggariskan strategi-strategi ke arah kemajuan ekonomi wanita luar bandar dan menggesa negara-negara di dunia meletakkan isu wanita luar bandar sebagai isu keutamaan dalam agenda pembangunan negara masing-masing.

10. Kita bernasib baik kerana Kerajaan Malaysia semenjak dahulu lagi mengiktiraf peranan dan sumbangan wanita luar bandar. Ini dimanifestasikan melalui penggubalan dasar yang adil dan pelaksanaan pelbagai program dan projek untuk meningkatkan lagi taraf hidup kaum tani. Sungguhpun begitu, masih banyak yang perlu dilakukan. Wanita luar bandar bukan sahaja seharusnya diiktiraf sebagai penerima faedah pembangunan bahkan patut diiktiraf juga sebagai agen perubahan. Mereka perlu dirundingi dan dilibatkan dalam proses membuat keputusan kerana merekalah yang merupakan sasaran program-program pembangunan luar bandar. Merekalah yang akan melaksanakannya dan mereka jugalah yang akan menerima faedahnya.

11. Saya yakin bahawa pihak-pihak berkenaan yang diberi tanggungjawab untuk membantu meningkatkan taraf hidup wanita tani akan terus berusaha untuk memastikan

bahawa wanita tani berpeluang untuk memperolehi kemudahan-kemudahan latihan dalam teknologi moden, kemudahan kredit serta peluang-peluang kemahiran sebagai mata pencarian alternatif dengan pemansuhan sumber mata pencarian dalam aktiviti pertanian tradisional disebabkan oleh penggunaan jentera moden. Institusi-institusi yang dipertanggungjawabkan menjalankan penyelidikan diharap akan juga memberi perhatian kepada wanita khususnya daripada segi kesesuaian teknologi bagi memudahkan kerja-kerja wanita tani.

12. Usaha-usaha Kerajaan sahaja tidak memadai. Wanita tani sendiri perlu lebih yakin dan berbangga dengan peranan dan sumbangan mereka terhadap pembangunan ekonomi luar Bandar khususnya dan negara amnya. Wanita sendiri kadangkala menganggap peranan dan sumbangan mereka tidak atau kurang penting. Mungkin ini satu sifat semulajadi yang didorong oleh norma-norma sosial yang menganggap kaum lelaki sebagai "the main breadwinner" dalam keluarga. Walau bagaimanapun, saya yakin dengan adanya program-program meningkatkan kesedaran dan pengetahuan bagi wanita dan para perancang serta pelaksana, kaum wanita akan diberi perhatian yang sewajarnya dalam program pembangunan negara.

13. Saya berbangga kerana melalui Ekspo yang akan berjalan selama seminggu ini keupayaan dan kemampuan wanita akan terserlah dalam semua aspek pengeluaran pertanian dan dalam aktiviti-aktiviti memproses makanan, pemasaran, perikanan dan lain-lain. Ekspo ini bukan sahaja menonjolkan penyertaan wanita luar bandar di seluruh pelusuk negara ini bahkan juga wanita bandar yang berkecimpung dalam dunia perniagaan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Pertanian, Jabatan Pertanian dan agensi-agensi di bawahnya yang turut mengambil bahagian dalam Ekspo ini; kepada syarikat-syarikat yang bermurah-hati memberi sokongan dan sumbangan dan kepada semua organisasi serta orang perseorangan yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi menjayakan Ekspo ini.

15. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Ekspo Wanita Tani Dalam Pembangunan. Sekian, Wabilahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.